

**Dakwah Islam tertegak dengan demokrasi, bukan kezaliman, titah Agong**  
**Malaysian Insider**  
**Jun 17, 2014**  
**Oleh Hasbullah Awang Chik**

Yang di-Pertuan Agong Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah bertitah dakwah Islamiah hanya akan dapat ditegakkan melalui jalan kedamaian serta demokrasi dan bukannya menerusi kezaliman.

Seri Paduka bertitah menasihatkan seluruh umat Islam supaya berpegang kepada konsep "ummatan wasata" iaitu kesederhanaan supaya seimbang dalam menjalankan tanggungjawab dunia dan akhirat.

"Dakwah Islam hanya dapat tertegak dan berjalan lancar dalam masa kedamaian serta dalam situasi yang wujudnya demokrasi dan bukan dalam situasi tertekan dan berlakunya kezaliman.

"Beta ingin menasihatkan rakyat agar sentiasa mengamalkan konsep 'ummatan wasata' dalam setiap amalan," titah Tuanku Abdul Halim semasa merasmikan majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Antarabangsa di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), malam tadi.

Majlis Agama Islam Selangor (Mais) berkeras untuk tidak memulangkan 321 Bible yang dirampas daripada Pertubuhan Bible Malaysia (PBM) di Damansara Kim pada Januari lalu.

Pengerusi Mais, Datuk Adzib Mohd Isa berkata kitab berkenaan tidak akan dipulangkan dan mahu tindakan diambil kepada PBM kerana mengedarkan Bible berbahasa Melayu dan Iban.

Beliau percaya ia merupakan kes mengikut enakmen agama bukan Islam selain menolak keputusan Peguam Negara, Tan Sri Abdul Gani Patail untuk menutup kes berkenaan.

Adzib berkata, kerajaan negeri Selangor tiada kuasa untuk mengarahkan Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) untuk memulangkan Bible berkenaan.

Tuanku Abdul Halim bertitah, orang Islam merupakan umat yang sederhana, adil dan tidak berat sebelah dalam hal dunia dan akhirat serta berimbang dalam seluruh aspek kehidupan.

Baginda bertitah, dengan kesederhanaan, umat Islam dapat hidup dengan lebih harmoni dan mampu melahirkan keluarga, masyarakat dan negara yang lebih berjaya.

“Berdasarkan konsep ini, kita diseru agar mengimbangi antara tuntutan rohani dan jasmani serta keperluan dunia dan akhirat kerana kesederhanaan ini amat penting dalam mewujudkan perpaduan dan keharmonian hidup.

“Lantas menentukan kejayaan individu, keluarga, masyarakat dan negara. Umat Islam yang positif kepada kesederhanaan adalah umat yang cintakan keamanan,” titah baginda.

Seri Paduka turut mengingatkan umat Islam realiti semasa musuh Islam akan sentiasa mencari jalan untuk menghancurkan umat dan agama tercinta.

Baginda bertitah, umat Islam perlu bersatu-padu kerana selagi kesatuan umat tidak mampu dicapai, selagi itulah kejayaan yang dijanjikan Allah akan tertangguh.

“Beta sekali lagi menyeru ayuhlah kita bersatu padu. Umat pasti akan kembali utuh dan mampu menghadapi segala rintangan dan ancaman musuh.

“Cabaran terbesar umat masa kini ialah bersatu hati dan bersepakat dalam menghadapi realiti musuh Islam yang sentiasa mencari jalan untuk menghancurkan umat Islam.

“Hindarilah permusuhan dalam masyarakat. Kembali berpegang teguh kepada prinsip dan nilai Islam sejati bagi mengembalikan kesatuan ummah,” titah baginda.

Ahli Parlimen DAP, Gobind Singh Deo semalam meminta Yang di-Pertuan Agong menggunakan kuasanya di bawah Perkara 130 Perlembagaan Persekutuan bagi merujuk ke Mahkamah Persekutuan dalam memastikan Malaysia sebuah negara sekular atau pun tidak.

“Sebagai ahli Parlimen, saya dengan penuh hormat memohon Baginda menggunakan kuasa di bawah Perkara 130 Perlembagaan Persekutuan untuk merujuk hal negara sekular ini kepada Mahkamah Persekutuan,” katanya dalam satu kenyataan.

Perkara 130 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan Yang di-Pertuan Agong boleh merujuk kepada Mahkamah Persekutuan untuk pendapatnya apa-apa soal tentang kesan mana-mana peruntukan Perlembagaan yang berbangkit atau yang tampak padanya mungkin berbangkit.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom semalam berkata Malaysia bukan sebuah negara sekular kerana kedudukan istimewa agama Islam berada dalam kerangka Perlembagaan. – 17 Jun, 2014.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/dakwah-islam-tertegak-dengan-demokrasi-bukan-kezaliman-titah-agong>